



Bidaah

Polemik Tanpa Kesudahan

Mohd Shahrizal Nasir

Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi,
Universiti Sultan Zainal Abidin(UniSZA)

Polemik perkataan bidaah kelihatan semakin terbuka di Malaysia. Ada kalanya suasana kelihatan senyap seketika, namun perbincangan kembali menjadi hangat disebabkan oleh timbulnya isu-isu semasa yang melibatkan nas agama, ataupun tersebarnya penjelasan agamawan tertentu yang pendapatnya tidak dipersetujui oleh pihak lain. Selain itu, kehangatan perbincangan isu bidaah kembali menjadi perbualan umum apabila wujud usaha oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan sengaja mencipta atau memperbesar isu yang dikaitkan dengan bidaah.

Wacana berkaitan dengan isu bidaah boleh dilihat sebagai satu bentuk fenomena positif sekiranya semua pihak boleh mengambil pendekatan saling menghormati antara satu sama lain. Wacana ilmiah yang mengupas isu bidaah yang dilakukan berlandaskan adab perbezaan pandangan sememangnya mampu mendidik orang awam untuk memahami isu dengan baik tanpa dimomokkan dengan sentimen fanatik yang merugikan umat.

Secara umumnya, perbezaan pandangan merupakan satu bentuk ujian kepada manusia. Sedangkan Allah Maha Berkuasa untuk menjadikan seluruh umat manusia berpegang pada satu ketetapan sahaja. Namun begitu, perbezaan yang berlaku dalam kalangan manusia bagi memilih suatu pegangan akan menyerlahkan dua golongan, iaitu golongan yang benar dan golongan yang salah. Demikianlah satu bentuk ujian buat manusia agar akhirnya nanti masing-masing akan diadili oleh Allah SWT terhadap pilihan yang dibuat.

Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud, “Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan, tetapi orang yang telah diberikan rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu dalam agama Allah); dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia. Dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu. Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahanam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa).” (*Surah Hud* 118-119).

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa polemik bidaah yang hingga kini dilihat tiada kesudahan boleh menjadi punca persengketaan sesama umat. Persengketaan ini mungkin tidak berlaku secara berterusan dalam kalangan agamawan kerana mereka memahami nas agama mengikut konteks yang benar. Hal yang mendukacitakan apabila orang awam atau kelompok masyarakat yang sebenarnya masih kabur dalam perbincangan isu bidaah ini akan menjadi mangsa keadaan. Masyarakat menjadi bingung tatkala menyaksikan perbezaan pandangan dalam kalangan agamawan yang berlangsung secara terbuka tanpa kesimpulan yang rapi dan saling menghormati.

Keadaan ini jelas kelihatan apabila berlakunya diskusi berkaitan dengan isu bidaah antara dua pandangan yang berbeza. Masyarakat awam

masih terus bercakaran dalam ruangan komen pada rakaman diskusi yang dibuat. Walaupun pihak penganjur acap kali dengan jelas menyatakan tujuan penganjuran diskusi adalah untuk menjernihkan keadaan atau menemukan titik persamaan. Namun begitu, realitinya diskusi seumpama itu masih belum dapat mendidik masyarakat untuk menjadi insan yang saling menghormati antara satu sama lain seperti akhlak yang ditunjukkan oleh para sarjana silam ketika menangani perbezaan pandangan mereka.

Keadaan ini menggesa semua pihak untuk memikirkan pendekatan tersendiri untuk menangani polemik bidaah dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Mungkin pendekatan yang dipraktikkan di tempat lain tidak boleh diaplikasi secara “salin dan tampal” di negara ini. Pendekatan tersendiri yang meraikan konteks masyarakat Islam di negara ini perlu difikirkan bersama-sama oleh semua pihak yang berusaha menangani isu ini. Jika hal ini tidak dilakukan, maka polemik bidaah tidak akan berkesudahan dan umat Islam di Malaysia akan terus bercakaran dalam perkara yang bersifat cabang (furuk) sehingga melemahkan umat.

Allah SWT mengingatkan umat Islam tentang bahaya bercakaran dan bersengketa sesama umat menerusi firman-Nya yang bermaksud, “Dan taatlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar.” (*Surah al-Anfal* ayat 46).

Di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan sebuah badan kerajaan yang berfungsi merangka dasar bagi pembangunan hal ehwal agama Islam di negara ini dan menjaga kesucian akidah dan ajaran Islam. JAKIM ialah badan yang paling berautoriti menangani sebarang isu berkaitan dengan agama Islam yang melanda umat Islam di negara ini. Seperti yang dijelaskan oleh Dr. Mohd Aizam Mas'od dalam artikelnya bertajuk “Bidaah: Antara Dua Pendekatan” yang diterbitkan dalam *Jurnal Penyelidikan Islam* (vol. 20, 2007), pihak JAKIM telah mengambil ketetapan yang jelas tentang isu bidaah seperti berikut:

“Dalam menangani isu-isu bidaah, JAKIM telah mengambil pendekatan dengan mengkaji secara teliti dan mendalam setiap perkara yang dikatakan bidaah tersebut. JAKIM juga membezakan antara bidaah pada perkara usul atau asas akidah dan

ibadah serta bidaah yang berlaku kepada cabang ibadah dan adat atau kebudayaan.” (hlm. 40).

Penjelasan ini menyerlahkan ketetapan JAKIM yang berusaha untuk menyelesaikan polemik bidaah dengan menetapkan perbezaan bidaah mengikut kategori, iaitu bidaah berkaitan dengan akidah dan ibadat. Selain itu, dijelaskan juga tentang bidaah yang berlaku dalam cabang ibadat dan adat yang berkait rapat dengan pengamalan masyarakat di negara ini, khususnya perkara furuk dalam agama. Hal ini biasanya dikaitkan dengan amalan yang tidak mempunyai nas yang jelas dalam agama, tetapi dikaitkan dengan nas umum. Penjelasan lanjut mengenai perkara ini dinyatakan seperti berikut:

“Sebagai contoh dalam menangani perkara bidaah pada usul akidah, JAKIM telah mengambil pendekatan menolak sebarang konsep tasawuf teosofi yang menyeleweng yang ditambah dalam akidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah. Justeru, JAKIM menolak konsep Wahdat al-Wujud, Martabat Tujuh dan Nur Muhammad, dengan tujuan untuk menyekat jalan-jalan yang boleh merosakkan akidah umat Islam secara umum. Dalam perkara cabang ibadah seperti membaca talkin ke atas mayat, tahlil arwah, upah membaca al-Quran, wirid berjemaah selepas solat dan sebagainya, itu semua dianggap sebagai tidak termasuk perkara bidaah bahkan diharuskan untuk melakukannya. Manakala perkara-perkara adat seperti bersalaman selepas solat lima

waktu, mengadakan upacara sambutan Maulidur Rasul dan sebagainya ia juga tidak termasuk perkara bidaah selagimana kandungan majlis tersebut tidak menyalahi mana-mana hukum syarak.” (hlm. 40).

Perincian tentang pembahagian isu berkaitan dengan bidaah dalam situasi di Malaysia amat jelas. Keadaan ini dapat difahami sebagai satu jalan tengah untuk menangani isu bidaah bagi memurnikan pandangan antara dua golongan yang berselisih. Malah, hal yang diperincikan ini sebenarnya telah pun menjadi keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan keputusan Panel Kajian Akidah JAKIM. Isu pengamalan beberapa perkara yang dilihat sebagai perkara furuk juga telah dijelaskan dalam buku berjudul *Penjelasan Hukum* yang diterbitkan oleh JAKIM pada tahun 1998.

Oleh itu, ketetapan ini perlu dilihat sebagai usaha murni pihak berkuasa agama di Malaysia menerusi JAKIM yang berusaha meredakan polemik bidaah dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Meskipun usaha ini sama sekali tidak dapat menghentikan polemik bidaah, namun setidaknya-tidaknya dapat dijadikan satu ketetapan jelas oleh pihak berkuasa agama yang perlu dihormati oleh semua pihak.

Firman Allah SWT yang bermaksud, “Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Uli al-Amri (orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab

Allah (al-Quran) dan (sunah) Rasulullah, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.” (*Surah al-Nisa’* 4:59).

Meskipun ketetapan yang diambil oleh pihak JAKIM untuk menangani isu ini kelihatan seperti mengambil jalan tengah yang harmoni, hal ini tidak bermakna mana-mana pihak boleh menggunakan nafsunya untuk mencipta perkara baharu dalam agama. Tindakan sesetengah pihak yang mengaitkan Rasulullah SAW dengan sesuatu yang tidak dinyatakan atau dilakukan oleh Baginda merupakan perkara mungkar yang wajib ditolak. Jika hal ini tidak diberikan penegasan, tidak mustahil akan wujud pihak yang tidak bertanggungjawab berusaha merosakkan pegangan umat Islam dengan pelbagai slogan atau pendekatan baharu yang hakikatnya satu bentuk kesesatan.

Dengan kepesatan dunia teknologi hari ini, sering ditemui perkongsian menerusi alam maya berkenaan ungkapan yang dikatakan sebagai hadis Rasulullah SAW. Terdapat segelintir umat Islam yang turut menyebarkan hadis yang palsu kerana tidak menyedari status sebenar ungkapan tersebut. Sebenarnya, masalah ini berpunca daripada sikap acuh tidak acuh untuk mencari dalil bagi mengukuhkan sesuatu pandangan. Perbuatan ini sebenarnya menjadi punca timbulnya perbuatan bidaah dalam agama seperti yang ditegah oleh Rasulullah SAW menerusi hadis yang bermaksud, “Sesiapa yang berdusta atas namaku, maka siaplah tempatnya di dalam neraka.” (Hadis riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Jana’iz*, no. 1291).



Tidak wajar semua amalan yang diamalkan oleh umat Islam dilabel sebagai bidaah sesat secara menyeluruh tanpa melihat faktor sejarah yang mendasari keadaan tersebut.

Selain itu, masyarakat perlu didedahkan tentang amalan yang wujud berkenaan dengan perbezaan pandangan dalam kalangan ulama. Lebih-lebih lagi apabila sesuatu amalan itu hanya dikaitkan dengan dalil umum dalam agama. Sebagai contoh, pelaksanaan rutin saban tahun apabila datangnya malam nisfu Syaaban. Sememangnya ada dalil bersumberkan hadis Rasulullah SAW tentang kelebihan malam tersebut seperti sabda Baginda yang bermaksud, "Allah melihat para hamba-Nya pada malam nisfu Syaaban, maka Dia ampuni semua hamba-Nya kecuali musyrik (orang yang syirik) dan *musyihin* (orang yang saling membenci)." (Hadis riwayat Ibn Hibban, *Sahih Ibn Hibban*, no. 5665).

Kelebihan malam nisfu Syaaban ini tidak boleh dijadikan alasan untuk sesetengah pihak mencipta amalan khusus yang diiktikad mesti dilakukan pada malam tersebut. Hal ini kerana tidak terdapat hadis yang sahih mengenai amalan khusus dilakukan pada malam tersebut. Umpamanya dalam kitab *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, al-Imam al-Nawawi menyatakan, "Solat yang dikenali dengan solat al-Ragha'ib, iaitu dua belas rakaat ditunaikan antara waktu Maghrib dan Isyak pada hari Jumaat pertama bulan Rejab, juga solat malam nisfu Syaaban sebanyak seratus rakaat; kedua-dua solat ini bidaah lagi mungkar." Begitulah juga amalan lain yang dilakukan dengan iktikad "mesti dilakukan" bagi memperoleh fadilat tertentu.

Walau bagaimanapun, hal ini tidaklah bermaksud orang ramai dikehendaki berdiam diri sahaja pada malam nisfu Syaaban. Lakukanlah amalan sunat mutlak yang ada pensyariatannya dalam Islam, seperti solat sunat, membaca al-Quran, berzikir dan berdoa. Hal ini perlu difahami oleh masyarakat awam apabila berdepan dengan isu yang diselisahkan oleh golongan berseteru dalam isu bidaah. Sabda Rasulullah SAW yang perlu dijadikan ingatan bermaksud, "Sesiapa yang membuat perkara baharu dalam

urusan kami ini (Islam), iaitu sesuatu yang bukan daripadanya, maka perkara itu tertolak." (Hadis riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Sulh*, no. 2697).

Polemik bidaah merupakan satu isu yang tidak mudah untuk ditangani. Walau bagaimanapun, wacana tentang isu ini masih perlu diadakan dengan penuh harmoni agar masyarakat tidak terus keliru dengan kepelbagaian pandangan yang sebenarnya berpunca daripada sebab tertentu seperti perbezaan pandangan untuk memahami nas dan pandangan ulama. Lebih-lebih lagi apabila kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu dipercayai bermula pada abad ke-7 Masihi disebarkan oleh para pedagang dan pendakwah dari Asia Barat yang memahami konteks budaya setempat.

Tidak dapat dinafikan bahawa beberapa perkara yang menjadi amalan umat Islam hari ini berpunca daripada pendekatan para pendakwah ketika itu yang berusaha mengurangkan pengaruh agama Hindu-Buddha yang telah bertapak berabad-abad lamanya di Kepulauan Melayu. Pembasmian amalan khurafat yang menjadi nadi masyarakat ketika itu ditukar dengan amalan yang dikaitkan dengan Islam sebagai satu alternatif. Mungkin itulah ijhtihad para pendakwah tersebut ketika berdakwah di Kepulauan Melayu.

Oleh hal yang demikian, tidak wajar semua amalan yang diamalkan oleh umat Islam dilabel sebagai bidaah sesat secara menyeluruh tanpa melihat faktor sejarah yang mendasari keadaan tersebut. Walau bagaimanapun, langkah pemurnian perlu dilakukan bagi memahami masyarakat bahawa sesuatu amalan yang diamalkan bertahun-tahun lamanya boleh dimurnikan dengan pemahaman bahawa amalan tersebut bukanlah ibadat yang bersifat wajib. Maka itu, tidak salah contohnya, jika amalan pada setiap malam Jumaat saban tahun ialah membaca *Surah Yasin*, sekarang diselang-seli pula dengan membaca *Surah al-Kahfi*. ●